



KENYATAAN MEDIA

PENGELUAR GULA TEMPATAN SAHKAN TIADA MONOPOLI GULA DI MALAYSIA

*Harga gula dikawal oleh pihak kerajaan dan merupakan antara
paling murah di dunia*

Kuala Lumpur, 12 Julai 2018 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR) mengemukakan penjelasan berkenaan keadaan sebenar industri gula di Malaysia berhubung dakwaan yang telah menimbulkan persepsi tidak benar daripada beberapa pihak yang menyatakan bahawa industri gula dimonopoli di Malaysia.

Lanskap Gula di Malaysia

MSM di bawah FGV Holdings Berhad serta CSR di bawah Tradewinds (M) Berhad merupakan dua pengeluar gula di Malaysia - dengan lima buah kilang penapisan gula termasuk di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor yang dijadualkan untuk beroperasi pada bulan ini.

Kapasiti terkini berjumlah 2.0 juta tan metrik setahun dan merangkumi empat buah kilang penapisan. Permintaan gula tempatan adalah dianggarkan sebanyak 1.5 juta tan metrik setahun secara tidak langsung menawarkan lebih kapasiti sebanyak 500,000 tan metrik setahun. Setelah kilang penapisan gula di Johor beroperasi sepenuhnya, jumlah kapasiti akan meningkat kepada 3.0 juta tan metrik gula setiap tahun.

Selain daripada jenama gula tempatan, beberapa jenama gula dari luar negara diimport ke Malaysia dan dipasarkan seperti SIS, Taikoo, Waitrose, Billington, Tate & Lyle yang turut memberi persaingan pada industri gula di Malaysia.

Sementara itu, para pengusaha industri seperti pengeluar produk minuman dan makanan turut mendapatkan gula melalui NY#11 (platform perdagangan komoditi global bagi gula mentah). Pengeluar gula tempatan pula akan membuat pembelian bagi pihak syarikat – syarikat

tersebut, seterusnya mengimport gula yang telah diperoleh dan menapisnya dengan kadar bayaran tertentu.

Adalah menjadi tanggungjawab pengeluar tempatan untuk memastikan bekalan gula yang mencukupi di Malaysia. Sehubungan itu, sejumlah kuantiti gula akan disimpan bagi memastikan bekalan cukup ketika berlaku peningkatan harga gula mentah dunia. Kini, dengan penurunan harga gula mentah dunia, terdapat banyak pihak yang mengambil kesempatan untuk mengimport gula serta mengaut keuntungan pada situasi harga gula yang rendah. Pihak sebegini beroperasi secara tidak bertanggungjawab, berlainan dari pengeluar gula tempatan. Syarikat – syarikat tersebut juga berkemungkinan tidak mempunyai keperluan pensijilan seperti sijil 'HALAL' dan akan menghentikan operasi sejurus harga gula mentah dunia meningkat melebihi paras harga siling yang ditetapkan. Secara tidak langsung, pengeluar gula tempatan akan menanggung ketidakstabilan di pasaran yang berpunca daripada syarikat-syarikat yang tidak bertanggungjawab tersebut.

Harga Gula Malaysia

Di Malaysia, harga gula diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti – Pencatutan 2011 (Penentuan Harga Maksimum - No.2, Perintah 2017), dan merupakan antara yang terendah di dunia (Rujuk pada Addendum 1). Kini, harga siling bagi gula pasir kasar (*Coarse Grain Sugar*) telah ditetapkan sebanyak RM2.95/kg manakala gula pasir halus (*Fine Granulated Sugar*) pada RM3.05/kg.

Pada hari ini, harga gula bertapis di Malaysia merupakan antara yang paling rendah dengan kadar RM 2.95/kg. Harga gula di Malaysia bukan sahaja lebih murah berbanding negara - negara lain yang mempunyai pendapatan per kapita rendah seperti Kemboja, Myanmar dan Indonesia malahan lebih murah daripada negara – negara pengeluar gula seperti Thailand, Indonesia dan Filipina. (Rujuk pada Addendum 1)

Adalah suatu kebiasaan bagi negara – negara di seluruh dunia untuk menetapkan mekanisme tertentu bagi memastikan kestabilan harga, bekalan gula serta produk berkaitan gula ketika berlaku peningkatan harga gula mentah dunia. Ia penting bagi mengelakkan berlakunya ketidakstabilan pasaran yang boleh menjejaskan pengguna. Ini tidak termasuk Singapura, Australia, New Zealand dan Emiriah Arab Bersatu (harga gula di negara – negara tersebut adalah lebih tinggi berbanding Malaysia).

Pengurangan Harga Gula Meningkatkan Risiko

Gula perlu digunakan secara bersederhana. Semenjak 2013, kerajaan Malaysia telah menghentikan subsidi gula sebagai usaha untuk mengurangkan kadar risiko diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia. Pengurangan selanjutnya terhadap harga gula Malaysia yang sedia murah bakal meningkatkan lagi pengambilan gula.

Cabaran bagi Industri Gula

Pengeluar tempatan beroperasi dalam suasana perniagaan yang mencabar untuk memastikan kelangsungan bekalan gula kepada rakyat Malaysia serta simpanan gula yang mencukupi untuk negara. Fakta terkini menunjukkan kenaikan yang berlaku dari aspek kos perniagaan seperti gaji minimum, tarif gas dan elektrik manakala harga siling bagi gula bertapis tetap kekal pada RM2.95/kg. Selain itu, industri juga turut terpalit dengan impak aktiviti terlarang seperti penyeludupan serta penyusupan masuk gula yang menggugat isu berkaitan 'HALAL', piawaian kualiti serta keperluan pensijilan mandatori yang lain. Ini merupakan cabaran berterusan yang perlu dihadapi oleh industri gula di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, pengeluar tempatan terus komited dalam memberikan kestabilan pada pengguna di samping mengekalkan kualiti gula pada harga yang ditetapkan.

- Tamat -

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus

Ketua Komunikasi Korporat
MSM Malaysia Holdings Berhad
+6016-677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Asraf Alfian Abdul Rahim

Ketua Komunikasi Korporat
Central Sugars Refinery Sdn Bhd
+6012-217 3851
asrafalfian@central-sugars.com.my

HARGA GULA RUNCIT: RANTAU ASEAN & DUNIA

(ADDENDUM 1)

GULA/KG DALAM RM DI MALAYSIA ANTARA YANG **TERMURAH BERBANDING NEGARA LAIN**

NEGARA	GDP 2017 (Bilion USD)	GDP Per Kapita 2017 (USD)	HARGA PENGGUNA	PURATA	RM/KG pada
			(Per KG)		09-Jul-18
Amerika Syarikat	19,390.60	53,128.54	USD 1.924 -USD 2.124	USD 2.024	8.16
China	12,237.70	7,329.09	CNY 6.26 – CNY 6.86	CNY 6.56	4.00
Jepun	4,872.14	48,556.93	JPY 183.7 - JPY 203.7	JPY 193.7	7.07
United Kingdom	2,622.43	42,514.49	GBP 1.28 - GBP 1.48	GBP 1.38	7.40
Korea Selatan	1,530.75	26,152.03	KRW 2152.78 - KRW 2172.78	KRW 2162.78	7.85
Australia	1,323.42	55,925.93	AUD 1.98 - AUD 2.18	AUD 2.08	6.26
Indonesia	1,015.54	4,130.66	IDR 15,000 - IDR 17,000	IDR 16,000	4.50
Taiwan	529.58	24,337.00	TWD 30 - TWD 50	TWD 40	5.31
Thailand	455.22	6,125.66	THB 15.00 - THB 35.00	THB 25.00	3.04
Africa Selatan	349.42	7,582.60	ZAR 16.28 - ZAR 16.48	ZAR 16.38	4.91
Singapura	323.91	55,235.51	SGD 1.60 – SGD 1.80	SGD1.70	5.06
Filipina	313.60	2,891.36	PHP 55.00 - PHP 57.00	PHP 56.00	4.23
Vietnam	223.86	1,834.65	VND23,000 - VND 25,000	VND 24,000	4.20
Myanmar	69.32	1,482.20	MMK 1,500 - MMK 1,700	MMK 1,600	4.59
Kemboja	22.16	1,135.15	KHR 3,540 - KHR 3,740	KHR 3,640	3.61
Brunei	12.13	31,439.92	BND 1.55 - BND 1.75	BND 1.65	4.93
Malaysia	314.50	11,521.40	RM2.95	-	2.95
*FX = RM4.03					